



Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

LAPORAN TAHUNAN 2021

Memahami Islam Membina Peradaban

ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	2
Laporan Eksekutif Ketua Pengarah	7
• Senarai Ahli Lembaga Pengarah IKIM	9
• Mesyuarat Agung Tahunan ke-29 IKIM	14
• Senarai ahli IKIM	17
• Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	20
• Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah	21
BAB 1 Penyampaian Kefahaman Islam Tentang Isu-isu Semasa	26
BAB 2 Kesan dan Manfaat ke atas Aktiviti Radio dan tvIKIM	62
BAB 3 Penyelidikan	104
BAB 4 Penerbitan	116
BAB 5 Perpustakaan	130
BAB 6 Anugerah/Pengiktirafan/Lantikan	134
BAB 7 Maklumat Korporat	138
BAB 8 Perundingan IKIM	160
Statistik Penting 2021	182
Penyata Kewangan	188

PERUTUSAN PENGURUSI



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita telah berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2021. Dengan sukacitanya, saya bagi pihak Lembaga Pengarah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak pengurusan IKIM di bawah pimpinan YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM (hingga 31 Ogos 2021) bersama YBrs. Dr. Mohd Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM serta seluruh warga kerja IKIM atas khidmat yang cemerlang sepanjang tahun.

Penerbitan Laporan Tahunan IKIM merupakan satu wadah dan dokumentasi maklumat yang merakamkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian IKIM sepanjang tahun 2021. Sejak penubuhannya, IKIM telah berusaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang ajaran dan nilai-nilai Islam serta hubungannya dengan kehidupan. Mencapai usia 29 tahun, IKIM telah meningkatkan kefahaman Islam melalui pelbagai program, antaranya webinar, forum, muzakarah pakar, penerbitan buku, siaran Radio IKIM dan tvIKIM.

Tahun 2021, merupakan tahun kedua dunia mengharungi satu pandemik yang tidak diduga, iaitu pandemik COVID-19. Walaupun IKIM turut terkesan, namun fungsi dan tanggungjawab IKIM terhadap masyarakat dan negara tetap diteruskan. Penganjuran program-program akademik, radio dan tvIKIM tetap diteruskan dengan penganjuran dan penerbitan secara dalam talian. Kemajuan teknologi dan digital telah dimanfaatkan sepenuhnya bagi memberi kefahaman Islam yang sebenar kefahaman Islam dapat dikongsikan dan dipertingkatkan.

Insha-Allah, dengan izin Allah Yang Maha Esa, proses pengukuhan kapasiti penajaan dan penyebaran ilmu untuk memahami Islam kepada seluruh masyarakat serta membina peradaban untuk orang Islam dan bukan Islam pada peringkat lokal dan global akan terus dapat dilaksanakan. Dengan semangat kerja yang kuat dan perancangan masa depan yang mampan, saya yakin IKIM akan dapat menempa lebih banyak kejayaan pada tahun-tahun yang mendatang dengan sentiasa menerapkan nilai-nilai bersama (*shared values*), iaitu *Ilmu, Hikmah, Adab, Amanah, Adil, Benar dan Taqwa*.

AKTIVITI PROGRAM AKADEMIK

Sepanjang tahun 2021, IKIM telah berjaya menganjurkan enam belas (16) program akademik yang terdiri daripada tiga (3) program webinar, lima (5) muzakarah pakar, dua (2) wacana ilmiah, tiga (3) kursus dan bengkel, satu (1) seminar, satu (1) forum dan satu (1) pembentangan penyelidikan.

Dalam pengamalan norma baharu, tiga (3) program webinar telah diadakan seperti yang berikut: Webinar “Sains dan Teknologi Berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah”; webinar Liberalisme vs Penyempitan Agama: Apakah Panduan Islam?; dan Webinar “*Islam Today*” yang dijalankan dengan kerjasama pihak Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Uzbekistan.

Lima (5) program muzakarah pakar yang telah dianjurkan adalah seperti yang berikut: *Expert Consultation “Maqasidic Framework - For The Formation of Khaira Ummah (The Best of People)”*; *Expert Consultation “COVID-19: Islamic Response”*; Muzakarah Pakar “Peranan Saling Melengkapi antara Lelaki dan Wanita dalam Islam”; Muzakarah Pakar “Kesihatan Pekerjaan Menurut Islam” serta Muzakarah Pakar “Ke Arah Umat Digital: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian”.

Dua (2) siri wacana ilmiah telah dianjurkan, iaitu “*The Rights of Future Generations*” pada 3 Mac 2021 bagi meneroka prinsip yang kukuh untuk menjawab persoalan asas tentang hak generasi akan datang dalam konteks kemajuan masa kini dalam cabaran sains dan teknologi, serta “Islam, Moraliti dan Masyarakat Bebas Rasuah” yang telah diadakan pada 7 Disember 2021.

Tiga (3) kursus dan bengkel yang dianjurkan adalah seperti yang berikut: “Kursus Asas Kaedah Pengurusan Harta Keluarga Islam Siri 2021” pada 23–24 Mac 2021; “Kursus Lanjutan Pengurusan Harta Keluarga Islam” pada 1–2 November 2021; dan satu lagi bengkel yang dianjurkan ialah “Bengkel Kembara Syifa 2.0” yang telah diadakan pada 5 Oktober 2021. Penganjuran program ini merupakan usaha pihak IKIM secara berterusan dalam memberi kefahaman kepada masyarakat awam dalam hal ehwal pengurusan harta keluarga Islam dan pengurusan serta membina kesedaran masyarakat tentang perihai penyakit mental selain turut memberi sokongan kepada individu yang menghadapi masalah ini.

Satu (1) seminar yang telah dianjurkan bertajuk “Pembangunan Minda Qurani”; satu (1) forum, bertajuk “Forum Masyarakat, Hutan dan Air: Maqasid Al-Shari’ah dalam Mekanisme Urus Tadbir Mitigasi Perubahan Iklim” manakala satu (1) pembentangan hasil penyelidikan “Pembekuan Sel Sperma dan Telur daripada Individu yang Belum Berkahwin Atas Sebab Perubahan Menurut Perspektif Islam”.

PENYIARAN

Melalui Kajian Wave 2/2020 GfK (*Society for Consumer Research*), Radio IKIM dengan *tagline*, iaitu “Inspirasi, Inforia, Islami” telah mencatat jumlah sebanyak 1.3 juta orang pendengar sekaligus meletakkan Radio IKIM pada senarai ke-6 dalam kategori stesen berbahasa Melayu di negara ini.

Sebagai usaha untuk terus mengukuhkan kedudukannya, Radio IKIM telah mula memperkasakan penggunaan media sosial melalui laman sosial seperti Facebook, FB live, Instagram, YouTube dan Podcast.

Segmen “Warna Pagi”, “Aspirasi”, “Destinasi” dan “Ekspresi” diceritakan dengan penampilan penyampai-penyampai yang berpengalaman. Radio IKIM terus mengekalkan konsep penerbitan rancangan-rancangan Islami yang bertujuan menyebarkan kefahaman yang benar kepada masyarakat. Antara program yang mendapat sambutan pendengar adalah seperti “Inspirasiku”, “Islam Itu Indah”, Pesona D’Zahra, “Tarbiyyah”, “Fas’aluuna”, “Islam Agamaku”, “Usrah Nurani”, “Tartilul Quran”, “Tafqquh Fiddin” dan “Sains & Islam”.

tvIKIM

Berkonsepan internet TV (*live streaming*), tvIKIM, merupakan medium penyampaian yang menyokong program dan aktiviti IKIM. tvIKIM juga memberi nilai tambah kepada pendengar Radio IKIM bagi merasai pengalaman mengikuti ilmu dan perbincangan di studio secara audio visual. Selain itu, tvIKIM turut meluaskan jangkauan perbincangan ilmiah di IKIM secara maya atau dalam talian melalui siaran *live streaming*.

Bilangan hit ke laman tvIKIM mencatatkan jumlah sebanyak 2,075,096 bagi tahun 2021. Jumlah *page view* laman tvIKIM bagi tahun 2021 adalah sebanyak 339,843, manakala jumlah pelawat unik (*unique visitors*) juga telah mencapai angka sebanyak 53,362 orang pelawat.

Semoga buku *Laporan Tahunan IKIM 2021*, dapat memberikan gambaran yang jelas kepada masyarakat berkaitan aktiviti-aktiviti dan percambahan fikiran IKIM secara keseluruhan seterusnya menjadi kayu ukur dan tanda aras bagi IKIM khasnya untuk merancang pelbagai program yang lebih memberi pendedahan dan impak positif kepada masyarakat seiring dengan aspirasi negara pada masa akan datang.

PENYELIDIKAN

IKIM telah mengenal pasti enam (6) kluster penyelidikan pada tahun 2021, iaitu (i) Fiqh Ta'amil; (ii) Sains, Etika dan Masyarakat; (iii) Fiqh Akbar dan Pandangan Alam Islam; (iv) Fiqh Kontemporari (v) Ekonomi; dan (vi) Pendidikan. Hasil kajian yang dijalankan dijadikan bahan penerbitan, kertas polisi, kertas kerja untuk pembentangan, ceramah, seminar, pengisian di Radio IKIM, tvIKIM serta untuk makalah akhbar dan jurnal.

PENERBITAN

Pada tahun 2021, IKIM telah menerbitkan sembilan (9) buah buku baharu, iaitu “Fiqh dan Arahan Perubatan Awal”, “Kepelbagaian Budaya Pemakanan di Malaysia”, “Mikroalga Transgenik Isu dan Pandangan Islam”, “Literasi Kewangan Islam di Malaysia”, Jurnal *TAFHIM* Jilid 14 No. 1 (June 2021) dan Jurnal *TAFHIM* Jilid 14, No. 2 (December 2021) dan tiga (3) buku ulang cetak.

PENGURUSAN ILMU DAN MAKLUMAT

Perpustakaan memperoleh keseluruhan koleksi buku sebanyak 36,344 naskhah hingga penghujung tahun 2021, yakni pertambahan sebanyak 161 naskhah berbanding tahun sebelumnya, dalam pelbagai bidang kajian di IKIM untuk menyokong penyelidikan. Buku-buku ini disusun mengikut pengelasan dan bidang berdasarkan Library of Congress Classification (LCC) dan Library of Congress Subject Headings (LCSH). Pencarian bahan perpustakaan boleh dibuat melalui laman web Perpustakaan menggunakan Web OPAC (*Web Online Public Access Catalog*).

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DAN PENYERTAAN DI LUAR NEGARA

Sejajar dengan visi IKIM “Untuk Menjadi Institusi Utama Kefahaman Islam Bertaraf Antarabangsa”, pada tahun 2021 pegawai-pegawai akademik IKIM telah dijemput membentangkan kertas kerja dan menjadi peserta program-program di luar negara.

1. Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM telah membuat pembentangan bertajuk “*Islamic Thought and Civilization*” dalam program *Level 2 Asatizah Islamic Studies Professional Programme (AISP2)*, anjuran Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS).
2. Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM telah membuat pembentangan bertajuk “*Revitalizing the Maturidite Epistemological Formulation towards Epistemic Security*” dalam program *The International Online Scientific-Practical Symposium on The Maturidiyya Teaching*, anjuran *The International Islamic Academy of Uzbekistan* dengan kerjasama IKIM dan Institusi-institusi Islam Uzbekistan.
3. Dr. Mohd. Farid b. Mohd. Shahrin, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM telah membuat pembentangan bertajuk “*Rational Basis of al-Maturidi's Theology and its Contemporary Relevance*” dalam program *The International Online Scientific-Practical Symposium on The Maturidiyya Teaching*, anjuran *The International Islamic Academy of Uzbekistan* dengan kerjasama IKIM dan Institusi-institusi Islam Uzbekistan.

4. Dr. Mohd. Sani b. Badron, Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM telah membuat pembentangan bertajuk “Pandangan Alam Barat & Islam dalam Sejarah Dunia” dan “Muslim Kini dan Krisis Adab, Ilmu dan Kepimpinan” dalam program *Level 2 Asatizah Islamic Studies Professional Programme (AISP2)*, anjuran Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS).
5. Dr. Mohd. Farid b. Mohd. Shahrar, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM telah membuat pembentangan bertajuk “*Worldview of Islam Meaning and Characteristic*” dan “*Islamic Phylosophy: Meaning, Basic Alingments and Characteristics*” dalam program *Level 2 Asatizah Islamic Studies Professional Programme (AISP2)*, anjuran Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS).
6. Dr. Muhammad Ayman Al-Akiti, Fellow Kehormat IKIM, telah membentangkan kerta kerja bertajuk “*Istifadah Ulama al-Alam al-Melayuwi min al-Aqidah al-Maturidiyyah*” dalam program “*The International Online Scientific-Practical Symposium on The Maturidiyya Teaching and the Present*”, anjuran The International Islamic Academy of Uzbekistan dengan kerjasama IKIM dan Institusi-institusi Islam Uzbekistan.
7. En. Mohammad Mustaqim b. Malek, Pegawai Penyelidik Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM telah membuat pembentangan bertajuk “*COVID-19 Pandemic: Infectious Disease Control According to Prophetic Traditions in Sahih al-Bukhari*” dalam program *The International Online Conference on “Preservation of the Oldest and Rarest Manuscript of Sahih alBukhari in World Libraries*”, anjuran The Ministry of Tourism and Sports of the Republic of Uzbekistan, Imam Bukhari International Scientic Research Center, Ankara Yildirim Beyazit University, Ankara University Institute of Islamic Thought.
8. En. Muhammad Husni b. Mohd Amin, Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM telah membuat pembentangan bertajuk “*Imam al-Bukhari’s Influence in Water Conservation Practices Among Muslims*” di dalam program *International Online Conference on “Preservation of the Oldest and Rarest Manuscript of Sahih alBukhari in World Libraries*”, anjuran The Ministry of Tourism and Sports of the Republic of Uzbekistan, Imam Bukhari International Scientic Research Center, Ankara Yildirim Beyazit University, Ankara University Institute of Islamic Thought.
9. Pn. Siti Shamsiah bt. Md. Supi, Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM telah membuat pembentangan bertajuk “Perancangan Awal dalam Pengurusan Harta Keluarga Semasa Hayat Berdasarkan Maslahah” dalam program Seminar Antarabangsa Islam di Alam Melayu (ICON IMAD X), anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei.

LAPORAN EKSEKUTIF KETUA PENGARAH

Sukacitanya, saya ingin membentangkan sebuah laporan ringkas kegiatan utama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah diaudit untuk tahun 2021. Menginjak usia ke-29 tahun penubuhannya, sepanjang tahun 2021 IKIM telah berusaha meningkatkan kefahaman masyarakat tentang ajaran dan nilai-nilai Islam serta hubungannya dengan kehidupan. IKIM terus komited dalam menyampaikan ilmu pengetahuan melalui perbincangan ilmiah, penyebaran melalui media massa dan penerbitannya, bertepatan dengan gagasannya “Memahami Islam Membina Peradaban”.



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Tahun 2021 telah mengangkat IKIM dengan beberapa penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima.

1. Penerbit IKIM telah menerima dua Anugerah Buku Negara 2020/2021, iaitu bagi kategori Buku Umum Terbaik (Bukan Fiksyen) berjudul *Ahmad Ibrahim Sahsiah, Pemikiran & Sumbangan* yang disunting oleh Pn. Siti Shamsiah bt. Md. Supi dan kategori Judul Terlaris bagi buku bertajuk *Faraid dan Perancangan Pewarisan Harta Beku, Bidang Kuasa dan Amalan di Malaysia* hasil suntingan oleh En. Muhammad Hisyam b. Mohamad dan Pn. Siti Shamsiah Md. Supi.
2. Pn. Norhayati bt. Paradi, Penerbit Rancangan Radio IKIM telah menerima Anugerah Pengamal Media paling menyokong yang telah diterima sempena program Cybersafe bersama media, anjuran CyberSecurity Malaysia, Pusat Pakar Teknikal Keselamatan Siber di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).
3. Radio IKIM telah menerima Penghargaan Media sempena Majlis Apresiasi Pengerusi MAIWP bersama Pengamal Media.
4. Radio IKIM telah menerima anugerah “Islamic Quality Standard (IQS) Award under The Category of Special Award” sempena The 3rd International Islamic Tourism Standard Conference and Award for Islamic Quality Standard (IQS) Rating by Universal Crescent Standard Center (UCSC), Malaysia.

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA

Sebagai institusi pemikiran dan penyelidikan yang relevan dan sentiasa dirujuk, IKIM telah menjadi tumpuan para pelawat dari dalam dan luar negara. Kunjungan ini turut menjadi medan pertukaran buah fikiran termasuk isu-isu semasa yang berkaitan dengan Islam.

Antara kunjungan hormat lain yang diterima sepanjang tahun 2021 adalah daripada beberapa Ketua agensi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Yayasan Anti Rasuah Malaysia, Universiti Tun Abdul Razak, Pusat Penerangan Islam-Majlis Islam Sarawak (IIC-MIS) dan Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM). IKIM turut menerima kunjungan daripada luar negara, iaitu H.E. Mr. Irfan Davudov, Ambassador-designate of the Republic of Azerbaijan to Malaysia.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, warga IKIM berasa amat bersyukur dan bertuah kerana telah melalui tahun ke-29 pada tahun 2021 dengan jayanya. Berbekalkan pelan strategik yang sedia ada, Insya-Allah, dengan izin Yang Maha Esa, proses pengukuhan kapasiti penjaan dan penyebaran ilmu untuk memahami Islam kepada seluruh masyarakat serta membina peradaban untuk orang Islam dan yang belum/bukan Islam pada peringkat lokal dan global akan terus diusahakan. Dengan semangat kerja yang kuat dan perancangan masa depan yang mampan, saya yakin IKIM akan dapat menempa lebih banyak kejayaan pada tahun-tahun yang mendatang.

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH IKIM



YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid

Pengerusi (meninggal dunia pada 28.8.2021)

Kelulusan	1. B.A. (Hons) (Malaya); 2. DPA (The Hague); 3. MPA (Harvard); 4. Doktor Kehormat Sains (Pengurusan) (UUM); 5. Doktor Kehormat Pentadbiran Perniagaan (Nottingham-Trent); 6. Doktor Kehormat Persuratan (UNIMAS); 7. Doktor Kehormat Pengurusan (UIAM); 8. Doktor Kehormat Pengurusan (UNIMAP); 9. Doktor Kehormat Pengurusan (INTI); 10. Doktor Kehormat Pengurusan (UNITEN) dan; 11. Doktor Kehormat Falsafah (Kepimpinan & Pentadbiran Awam) (UKM)
-----------	---



YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman

Naib Pengerusi (hingga 30.9.2021)


Kelulusan	1. Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah & Kehakiman (USIM); 2. B.A. Perundangan Islam (Syariah) (Universiti Al-Azhar, Kaherah); 3. Diploma Pendidikan (Universiti Ain Sham, Kaherah); dan 4. Diploma Undang-Undang & Pentadbiran Kehakiman Islam (UIAM)
-----------	---



YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin

Ketua Pengarah (hingga 31.8.2021)

Kelulusan	1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah dan Falsafah Sains (Sains & Islam), (University Lancaster, United Kingdom); 2. Sarjana (Sejarah dan Falsafah Sains) (University College of London, United Kingdom); dan 3. Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Biologi), (University of Tasmania, Australia)
-----------	--



YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron

Kelulusan	1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (University of Chicago); 2. M.Ed. (University of Sydney); 3. B.A. (Hons) (Universiti Malaya); dan 4. Diploma Pendidikan (Pengajian Melayu & Islam) (Universiti Malaya)
-----------	---



YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob

Kelulusan	1. PhD (Law), (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, [UIAM]); 2. M.Phil. in Law (University of London); 3. Diploma in Law (University of London); dan 4. Al-'Aliyah (Universiti Al-Azhar)
-----------	--



YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin FASc

Kelulusan	1. PhD (Pemangkinan Heterogen), (University of Manchester Institute of Science & Technology, UMIST, United Kingdom); 2. Master Sains (Kimia Sebatian Semulajadi) (Universiti Pertanian Malaysia [UPM]); dan 3. Bachelor/Ijazah Sains Kepujian (Kimia) (Kelas Kedua Tinggi (Universiti Pertanian Malaysia [UPM]))
-----------	--



YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman FASc

Kelulusan	1. PhD (Solar Energy), (University of Aston, United Kingdom); 2. Sarjana Sains (Solid State Physics) (University of London); dan 3. Ijazah Sarjana Muda (Fizik) (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM])
-----------	--



YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain

Kelulusan	1. B.A. (Hons.) Pengajian Islam (Al-Quran & Qiraat) (Universiti Al-Azhar, Cairo); dan 2. Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Maahad Tahfiz Islamic Centre, Kuala Lumpur, Jabatan Perdana Menteri
-----------	---




YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal

Kelulusan	1. LL.M (University of Kent at Canterbury, England); dan 2. LL.B (Hons.) (University of Essex, Colchester, England)
-----------	--



YBhg. Datu Hj. Misnu b. Hj. Taha

Kelulusan	1. Senior Executive Fellow Programme (Harvard University, USA); 2. Bachelor of Arts (Hons.), (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM]); dan 3. Higher School Certificate (Kolej Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Kuching, Sarawak)
-----------	---



YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman

Kelulusan	1. Masters of Philosophy (University of Swansea, United Kingdom); dan 2. Diploma in Statistics (Institut Teknologi MARA, ITM)
-----------	--



En. Mohamad Ibrahim b. Ghazali

Setiausaha Syarikat

Kelulusan	1. Bachelor in Accountancy (Hons UiTM); 2. Chartered Accountants (MIA 20637); dan 3. Licensed Company Secretary (202008001136)
-----------	--

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN IKIM KE-29

Mesyuarat Agung Tahunan Institut Kefahaman Islam Malaysia Ke-29 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman, Naib Pengerusi IKIM telah diadakan pada 28 September 2021 secara dalam talian menerusi aplikasi zoom. Turut hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ahli IKIM yang kesemuanya seramai 25 orang.

1. Pada mesyuarat tersebut, YBhg. Tan Sri Naib Pengerusi:
 - 1.1 Merakamkan penghargaan kepada sumbangan dan jasa Pengerusi IKIM, Almarhum YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, yang telah kembali ke rahmatullah pada 28 Ogos 2021. Bacaan *Al-Fatihah* turut dihadihkan kepada Almarhum oleh Ahli-ahli Mesyuarat.
 - 1.2 Turut merakamkan penghargaan kepada YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, yang telah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah IKIM selama enam (6) tahun sejak tahun 2015. Walaupun beliau telah menamatkan perkhidmatannya sebagai Ketua Pengarah dan Ahli Lembaga Pengarah pada 31 Ogos 2021, YBhg. Datuk Dr. Azizan kini masih bersama IKIM sebagai Ahli IKIM.
 - 1.3 Mengalu-alukan empat (4) ahli baharu IKIM yang telah dilantik pada tahun ini, iaitu:
 - i. YBhg. Sahibus Samahah Datu Hj. Kipli b. Hj. Yassin
Mufti Negeri Sarawak;
 - ii. YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi b. Abdullah
Pensyarah Kanan/Pemangku
Rektor, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor (KUIS);

- iii. Tn. Hj. Muhammad b. Abdullah @ Nicholas Sylvester
Ketua Pegawai Eksekutif, Hidayah Foundation Centre; dan
 - iv. Pn. Nur Hayati bt. Baharuddin
Juruaudit Dalam.
2. Mesyuarat bersetuju menerima Laporan Tahunan IKIM Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 yang mengandungi aktiviti-aktiviti dan pencapaian IKIM pada tahun 2020.
 3. Terdapat satu kekosongan Ahli Lembaga Pengarah lantikan Mesyuarat Agung ekoran tamat tempoh perkhidmatan YBhg. Prof. Emeritus Dato' Isahak b. Haron. Mengikut Fasal 46 Perlembagaan IKIM, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Isahak layak untuk dicalon dan beliau telah bersetuju untuk dipilih semula. Ahli-ahli telah mengemukakan dua nama sebagai calon Ahli Lembaga Pengarah dan proses pemilihan diadakan secara undian dalam talian. Juruaudit Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR) telah dilantik bagi mengendalikan urusan pengundian tersebut yang dibantu oleh Syarikat Melewartech.com dari segi teknikal.
 4. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Isahak b. Haron yang mendapat jumlah undi majoriti, dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah IKIM bagi tempoh tiga (3) tahun, iaitu mulai tahun 2021 hingga 2024.
 5. Mesyuarat bersetuju meluluskan pembayaran elaun Ahli Lembaga Pengarah berjumlah RM141,733 setahun bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020.
 6. Mesyuarat bersetuju melantik Firma Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR) sebagai Juruaudit IKIM berkuat kuasa mulai Penyata Kewangan IKIM Bagi Tahun Berakhir 2020.
 7. Satu usul bertulis diterima daripada Ahli IKIM, YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim, pada 2 Ogos 2021 berkenaan Hak Milik Tanah IKIM di atas Lot 6180 dan 6181. Setelah meneliti usul tersebut, YBhg. Tan Sri Pengerusi merumuskan:
 - i. Isu berkenaan tanah kaveat oleh Semantan Estates Sdn. Bhd. adalah isu antara Kerajaan Malaysia dengan Semantan Estates Sdn Bhd. yang juga melibatkan tiga belas (13) agensi kerajaan yang lain. Berdasarkan situasi semasa, pihak Kerajaan masih dalam proses semakan dan rayuan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berkenaan tanah-tanah tersebut. Lembaga Pengarah memutuskan supaya perkara ini diserahkan kepada pihak Kerajaan untuk penyelesaiannya.
 - ii. YBhg. Tan Sri Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Lembaga Pengarah yang sedia ada dan Pengerusi IKIM yang baharu dengan dibantu oleh Ahli-ahli IKIM, akan meneruskan usaha-usaha bagi mempertahankan hak IKIM dan pemilikan tanah IKIM berlandaskan undang-undang yang berkaitan.
 8. Ahli IKIM, Tn. Hj. Mohd Roslan b. Mohd. Saludin mengesyorkan supaya IKIM memainkan peranan yang lebih berkesan melalui program di Radio IKIM untuk memberi kesedaran kepada pengundi-pengundi berusia lapan belas tahun (18) tahun berkenaan tanggungjawab dan implikasi yang besar kepada kedudukan dan penguasaan umat Islam dalam isu nasional, pendidikan, *digitalization*, *global warming*, pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam di Malaysia. Hal ini untuk memastikan program yang dirancang oleh kerajaan mendapat sambutan yang baik dan menyerlahkan kebertanggungjawaban pengundi-

pengundi berkenaan dalam merencanakan hala tuju politik pentadbiran kerajaan pada masa hadapan. Beliau turut mencadangkan supaya IKIM mengadakan program yang fokus dalam membantu usaha kerajaan untuk memelihara kelestarian penguasaan politik umat Islam di Malaysia.

9. Tn. Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din, Ahli IKIM mencadangkan:

- i. IKIM memainkan peranan dalam melaksanakan program berkaitan kefahaman Islam yang lebih baik dan berkesan kepada golongan bukan Islam. Aktiviti dan program berkenaan kefahaman Islam juga harus ditumpukan kepada masyarakat di luar bandar. Program-program kefahaman Islam di dalam bentuk seminar dan konvensyen yang diadakan hanya memberi akses kepada golongan berpendidikan tinggi dan intelek, tetapi tidak memberi ruang yang sama luas kepada masyarakat di luar bandar.
- ii. IKIM perlumengetengahkan solusi untuk menangani masalah kemudaratan atau kecikiran umat Islam dalam konteks ekonomi Islam. IKIM juga wajar mencari solusi dalam memperkasakan sistem ekonomi Islam agar dapat membantu golongan marhain yang sekarang ini sangat tersepit.

10. YBhg. Tan Sri Naib Pengerusi IKIM, berharap agar semua pihak dapat bersama-sama menjayakan Visi IKIM “Menjadi Institusi Utama Kefahaman Islam Bertaraf Antarabangsa” dengan Gagasan IKIM “Memahami Islam Membina Peradaban” agar IKIM terus relevan dan berperanan ke arah konsep “Keluarga Malaysia” yang bersifat inklusif, merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta lebih terikat dengan nilai-nilai didikan sempurna.

Senarai Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan IKIM Ke-29 seperti yang berikut:

1. YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman
2. YBhg. Tan Sri Dato’ Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman
3. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd. Hussain
4. YBhg. Prof. Dato’ Noor Aziah bt. Mohd Awal
5. YBhg. Datu Hj. Misnu b. Hj. Taha
6. YBhg. Dato’ Dr. Abdul Monir b. Yaacob
7. YBhg. Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman
8. YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin
9. YBhg. Prof. Emeritus Dato’ Dr. Isahak bin Haron
10. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
11. YBhg. Dato’ Wan Mohamad bin Dato’ Sheikh Abd. Aziz
12. YBrs. Ir. Dr. Hj. Muhamad Fuad b. Abdullah
13. YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim
14. YBhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi
15. YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Nooraini bt. Othman
16. Tuan Hj. Mohd Roslan b. Mohd Saludin
17. YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Dr. Abd. Shukor bin Hj. Husin
18. Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din
19. YBhg. Datuk Alias b. Ali
20. YBrs. Dr. Yusri b. Mohamad
21. YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Dr. Sulaiman b. Mahbob
22. YBrs. Prof. Dr. Mohd Nazari b. Ismail
23. YBhg. Prof. Dato’ Seri Dr. Zaleha bt. Kamaruddin
24. YBhg. S.S. Datu Hj. Kipli b. Hj. Yassin
25. Pn. Nur Hayati bt. Baharuddin



Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman, Naib Pengerusi IKIM (duduk) dan En. Mohamad Ibrahim b. Ghazali, Setiausaha Syarikat (berdiri) ketika Mesyuarat Agung Tahunan IKIM ke-29.

SENARAI AHLI IKIM

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
1.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Halim b. Hj. Ismail	4.3.1993
2.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim	4.3.1993
3.	YBhg. Dato' Abdul Jamil b. Mohd. Ali	4.3.1993
4.	YBhg. Tan Sri Mohd. Effendi b. Norwawi	4.3.1993
5.	YBrs. Ir. Hj. Arshad b. Hj. Marsidi	4.3.1993
6.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman b. Mahbob	4.3.1993
7.	YBhg. Datuk Dr. Hj. Noordin b. Hj. Abd. Razak	15.3.1993
8.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Mansor b. Hj. Salleh	22.3.1993
9.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Nor Mohamed b. Yacop	22.3.1993
10.	YBhg Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron	22.3.1993
11.	YBhg. Tan Sri Wan Azmi b. Wan Hamzah	14.4.1993
12.	YBhg. Dato' Dr. Sidek b. Baba	15.4.1993
13.	S.S. YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Hj. Harussani b. Hj. Zakaria (meninggal dunia pada 30.5.2021)	15.4.1993
14.	YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abd. Shukor b. Haji Husin	15.4.1993
15.	Tn. Hj. Ahmad b. Berek	15.4.1993

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
16.	YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim	15.4.1993
17.	YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Ahmad Bin Mohd. Yusof	15.4.1993
18.	YBhg. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty	27.4.1993
19.	YBhg. Dato' Haji Muhamad Asri b. Haji Abdullah	26.7.1993
20.	YBhg. Tan Sri Dato' Tajuddin b. Ramli	2.8.1993
21.	YBhg. Dato' Wira Syed Abdul Jabbar Shahabuddin b. Syed Hassan	2.8.1993
22.	YBrs. Prof. Madya Dr. Balkis bt. Hj. Abu Bakar	15.4.1994
23.	YBhg. Datuk Alias b. Ali	25.1.1995
24.	Pn. Hjh. Marina bt. Yusof	25.1.1995
25.	YBrs. Ir. Dr. Muhamad Fuad b. Abdullah	11.12.1998
26.	YBhg. Dato' Muhammad Redzuan b. Abdullah	9.8.1999
27.	YBhg. Tan Sri Datuk Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee b. Laidin	19.7.2000
28.	YBrs. Prof. Dr. Kasmini bt. Kassim	20.9.2000
29.	YBhg. Datuk Nik Mohamed Affandi b. Nik Yusoff	4.5.2001
30.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Abu Bakar b. Abdul Majeed	7.10.2002
31.	YBhg. Datin Aidah bt. Abdul Ghani	21.7.2003
32.	YBhg. Dato' Hjh. Shamsuriah bt. Sulaiman	19.9.2003
33.	YM Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah bt. Engku Ali	2.5.2006
34.	YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman	1.10.2008
35.	Tn. Hj. Mohd Roslan b. Mohd Saludin	29.5.2009
36.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi	9.10.2009
37.	YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz	22.12.2010
38.	YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Zaleha bt. Kamaruddin	14.11.2011
39.	YBrs. Prof. Dr. Syed Omar b. Syed Agil	14.11.2011
40.	YBrs. Prof. Dr. Mohd Nazari b. Ismail	22.11.2012
41.	YBrs. Dr. Yusri b. Mohamad	9.9.2016
42.	YAA Dato' Dr. Mohd Na'im b. Mokhtar	9.9.2016
43.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman	12.5.2017

Bil.	Nama	Tarikh Menjadi Ahli
44.	YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Nooraini bt. Othman	12.5.2017
45.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Ariff b. Osman	12.5.2017
46.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob	20.4.2018
47.	YBhg. Dato' Ahmad Nazim b. Abd Rahman	7.6.2018
48.	Tn. Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din	7.6.2018
49.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Shamrahayu bt. Ab. Aziz	7.6.2018
50.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin	17.8.2018
51.	YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid (meninggal dunia pada 28.8.2021)	15.5.2019
52.	YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin	15.5.2019
53.	YBhg. Datuk Haji Ahamed Basheer b. Mohd Hussain	5.9.2019
54.	YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal	5.9.2019
55.	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman	1.6.2020
56.	YBhg. Datu Haji Misnu b. Hj.Taha	19.6.2020
57.	YBhg. S.S. Datu Haji Kipli b. Hj. Yassin	1.9.2021
58.	Tuan Haji Muhammad Bin Abdullah @ Nicholas Sylvester	1.9.2021
59.	YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah	1.9.2021
60.	Puan Nur Hayati Binti Baharuddin	1.9.2021

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah IKIM pada tahun berakhir 31.12.2021 telah bersidang sebanyak lima (5) kali, iaitu pada 18.2.2021, 22.4.2021, 17.6.2021, 15.9.2021 dan 30.12.2021.

Senarai kehadiran mesyuarat untuk tahun 2021 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama	Bil. Hadir Mesyuarat Lembaga Pengarah
1.	Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid Pengerusi IKIM (meninggal dunia pada 28.8.2021)	(3/3)
2.	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ketua Pengarah IKIM (hingga 31.8.2021)	(3/3)
3.	Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman Ahli (hingga 30.9.2021)	(4/4)
4.	Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron Ahli	(5/5)
5.	Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob Ahli	(5/5)
6.	Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin Ahli	(5/5)
7.	Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman Ahli	(4/5)
8.	Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain Ahli	(5/5)
9.	Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal Ahli	(5/5)
10.	Datu Hj. Misnu b. Hj. Taha Ahli	(4/5)
11.	Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman Ahli	(5/5)

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan bahawa perkara-perkara yang diusulkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

MESYUARAT KHAS LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah IKIM pada tahun berakhir 31.12.2021 telah bersidang sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 15.3.2021, 27.8.2021 dan 20.9.2021.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Laporan Penemuan Audit Ke Atas Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir pada 31.12.2020.
- ii. Cadangan Meluluskan Laporan Pengarah & Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir pada 31.12.2020.
- iii. Penamatan Tempoh Perkhidmatan Ketua Pengarah IKIM dan Cadangan Penanggungungan Kerja Jawatan Ketua Pengarah IKIM.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

1. Jawatankuasa Perjawatan & Kemajuan Kerjaya

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid**
Pengerusi (meninggal dunia pada 28.8.2021)
- ii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli (hingga 31.8.2021)
- iii. **YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman**
Ahli (hingga 30.9.2021)
- iv. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin**
Ahli
- v. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal**
Ahli

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali, iaitu pada 5.12.2021, 13.4.2021, 30.7.2021 dan 23.12.2021.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Cadangan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat, Pelantikan Jawatan Baharu, Pengisian Jawatan dan Pelantikan Baharu.
- ii. Cadangan Pelanjutan Kontrak Fellow Kehormat IKIM dan Pelantikan Baharu Fellow Kehormat IKIM.
- iii. Cadangan Penambahbaikan Pekeliling Sistem Penilaian Prestasi dan Borang LNPT.
- iv. Cadangan Penambahbaikan Dasar dan Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian.
- v. Cadangan Pelanjutan Tempoh Pinjaman, Pelanjutan Tempoh Pemangkuan dan Penamatan Tempoh Pemangkuan.
- vi. Cadangan Temu Duga Berstruktur Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional.
- vii. Cadangan Bayaran Elaun Penanggungungan Kerja Kepada Pegawai-Pegawai IKIM.
- viii. Cadangan Temuduga Kenaikan Pangkat Pegawai.
- ix. Cadangan Pengukuhan Struktur Organisasi di Bahagian/Unit IKIM.
- x. Cadangan Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Tahun 2021.
- xi. Cadangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun 2020.
- xii. Cadangan Pemberian Anugerah Khidmat Setia IKIM 2021.
- xiii. Cadangan Pemberian Anugerah Setia Cemerlang 25 Tahun.
- xiv. Cadangan Pemberian Anugerah Khas 30 Tahun IKIM.

2. Jawatankuasa Kewangan, Pelaburan & Akaun

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman**
Pengerusi
- ii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli (hingga 31.8.2021)
- iii. **YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman**
Ahli (hingga 30.9.2021)
- iv. **YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain**
Ahli
- v. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal**
Ahli

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali, iaitu pada 22.1.2021, 15.4.2021, 15.7.2021 dan 8.11.2021.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Laporan Prestasi Kewangan.
- ii. Laporan Kedudukan Portfolio Pelaburan.
- iii. Pembentangan Pengurus Dana.
- iv. Laporan Kemajuan Penambahbaikan Perjanjian Pengurus Dana.
- v. Cadangan Penstrukturan Semula Portfolio dan Kepelbagaian Pelaburan.
- vi. Laporan Kemajuan Pelan Tindakan Inisiatif-Inisiatif Pendapatan.
- vii. Cadangan Menetapkan Dasar Tempoh Perjanjian Pengurusan Pelaburan.
- viii. Cadangan Mendapatkan Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Bawah Sub-Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.
- ix. Cadangan Pengurusan Wakaf di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

3. Jawatankuasa Audit

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abd. Rahman**
Pengerusi (hingga 30.9.2021)
- ii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli (hingga 31.8.2021)
- iii. **YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain**
Ahli
- iv. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal**
Ahli

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 5.2.2021, 3.3.2021 dan 23.9.2021.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Pembentangan Perancangan Audit (*Audit Plan*) oleh Juruaudit Khairuddin Hasyudeen & Razi (KHR).
- ii. Pembentangan Perancangan Audit Tahunan.
- iii. Laporan Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan.
- iv. Laporan Status Penilaian Semula Harga Koleksi Tamadun Islam (KTI).
- v. Laporan Pengauditan Susulan Terhadap Koleksi Tamadun Islam (KTI).
- vi. Cadangan Piagam Audit Dalam.
- vii. Cadangan Rancangan Tahunan Audit Dalam 2021.
- viii. Kajian Semula Rancangan Audit Tahunan Bagi Tahun 2021.
- ix. Cadangan Penambahbaikan Terma Rujukan Jawatankuasa Audit IKIM.

4. Jawatankuasa Tatatertib & Disiplin

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal**
Pengerusi
- ii. **YBhg. Tan Sri Hamad Kama Piah**
Ahli
- iii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli (hingga 31.8.2021)

Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekiranya terdapat kes tatatertib melibatkan warga kerja IKIM pada tahun tersebut. Pada tahun 2021, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat satu (1) kali sahaja, iaitu pada 24 Ogos 2021.

5. Jawatankuasa Lembaga Tender IKIM

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Datu Hj. Misnu bin Hj. Taha**
Pengerusi
- ii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli (hingga 31.8.2021)
- iii. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin**
Ahli
- iv. **YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain**
Ahli
- v. **YBrs. Ir. Dr. Muhamad Fuad b. Abdullah**
Ahli

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 10.2.2021 dan 23.7.2021.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Cadangan Melanjutkan Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan untuk dua (2) tahun bermula 1.3.2021 hingga 28.2.2023.

- ii. Cadangan Pelantikan Kontraktor Bagi Kerja-Kerja Membekal, Mengintegrasikan, Memasang dan Mentauliah *Digital Audio Broadcast Mixer* serta Kerja-Kerja Berkaitan dengannya di Kawasan Studio Radio IKIM.

6. Jawatankuasa Latihan

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron**
Pengerusi
- ii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli (hingga 31.8.2021)
- iii. **YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob**
Ahli
- iv. **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman**
Ahli

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekiranya terdapat permohonan daripada pegawai IKIM untuk mengikuti program latihan jangka panjang dan latihan jangka sederhana. Memandangkan tiada permohonan diterima pada tahun 2021, Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat pada tahun 2021.

7. Jawatankuasa Kerja Projek Pembangunan Bersepadu IKIM

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Ir. Dr. Muhamad Fuad b. Abdullah**
Pengerusi
- ii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli (hingga 31.8.2021)
- iii. **YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob**
Ahli
- iv. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin**
Ahli
- v. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal**
Ahli

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak satu (1) kali, iaitu pada 4.2.2021. Mesyuarat telah membincangkan perkara berikut:

- i. Status Tanah IKIM di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang dan cadangan untuk mengadakan projek pembangunan di tanah tersebut.

Mesyuarat seterusnya tidak diadakan atas nasihat YABhg. Pengerusi IKIM supaya perbincangan lanjut dengan pihak Kerajaan Negeri Pahang diadakan mengenai status terkini tanah tersebut.

8. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob**
Pengerusi
- ii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli (hingga 31.8.2021)
- iii. **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron**
Ahli
- iv. **YBhg. Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman**
Ahli
- v. **YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain**
Ahli
- vi. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman**
Ahli

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 16.3.2021 dan 17.11.2021.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Laporan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (JKPR).
- ii. Laporan Pencapaian Daftar Risiko dan Tahap Risiko IKIM.
- iii. Kesenambungan Perkhidmatan Siaran Radio IKIM.
- iv. Kedudukan Integriti IKIM.
- v. Maklum Balas Pelanggan IKIM.

BAB 1

PENYAMPAIAN KEFAHAMAN ISLAM TENTANG ISU-ISU SEMASA

BAB 1

PENYAMPAIAN KEFAHAMAN ISLAM TENTANG ISU-ISU SEMASA

Pada tahun 2021, wabak COVID-19 masih berleluasa di negara kita. Keadaan itu turut mengubah norma dan amalan biasa dalam setiap aspek kehidupan. Hikmahnya, kita menjadi lebih inovatif dan dinamik serta telah berupaya menyesuaikan diri dari segi corak pemikiran, gaya hidup serta budaya kerja agar relevan dengan keadaan dan keperluan semasa. Sehubungan dengan itu, IKIM telah berjaya menganjurkan enam belas (16) program sepanjang tahun 2021.

Antara program yang telah IKIM anjurkan adalah terdiri daripada tiga (3) program webinar, lima (5) muzakarah pakar, dua (2) wacana ilmiah, tiga (3) kursus dan bengkel, satu (1) seminar, satu (1) forum dan satu (1) pembentangan penyelidikan. Jumlah keseluruhan melibatkan 7,670 orang peserta yang berpeluang menyertai program anjuran IKIM yang dijalankan secara dalam talian pada tahun 2021. Pecahan penyertaan adalah seperti yang berikut, seramai 682 orang peserta telah mengikuti program melalui aplikasi Zoom dan 6,988 orang peserta lagi menerusi siaran langsung yang disiarkan melalui Facebook IKIM dan Facebook tvIKIM. Jumlah penonton siaran langsung diambil setelah dua (2) minggu program berlangsung.

Unit Program dan Latihan (UPL), IKIM menganjurkan pelbagai program akademik dan latihan untuk masyarakat umum, kerajaan dan pihak swasta. Objektif penganjuran program IKIM adalah untuk berusaha ke arah pengendalian program secara berkualiti melalui pengurusan sumber yang cekap dan memberi perkhidmatan sokongan menguruskan program-program akademik dan latihan IKIM.

Expert Consultation “Maqasidic Framework- For the Formation of Khaira Ummah (The Best of People)” (3 Februari 2021)



YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) sebagai moderator Webinar “Expert Consultation: Maqasidic Framework for The Formation of Khaira Ummah”.



YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh, Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS) bersama YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM di Webinar “Expert Consultation: Maqasidic Framework for The Formation of Khaira Ummah”.



Para pembentang di Webinar “Expert Consultation: Maqasidic Framework for The Formation of Khaira Ummah”.

Muzakarah Pakar ini telah diadakan secara dalam talian pada 3 Februari 2021 menerusi aplikasi Zoom. Pengerusi IKIM, YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menyampaikan ucap-tama dalam muzakarah pakar tersebut. Muzakarah ini diadakan untuk membincangkan kaedah-kaedah melaksanakan prinsip-prinsip *Maqasid al-Syari'ah* bagi membentuk *Khaira Ummah* atau umat terbaik seperti yang telah disebut dalam *al-Quran* (surah *Āli 'Imrān*, 3:100). Prinsip-prinsip ini jika dilaksanakan sesuai dengan tuntutan Islam, maka ia merupakan landasan terbaik dalam usaha membentuk sebuah *Khaira Ummah*.

Walau bagaimanapun, kelima-lima prinsip *Maqasid Syari'ah* tersebut, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, mungkin terjejas dalam situasi pandemik ini. Misalnya, sekatan solat Jumaat mungkin menjejaskan pemeliharaan agama, jangkitan penyakit menjejaskan nyawa dan kemerosotan ekonomi pula boleh menjejaskan pendapatan atau harta.

Dalam ucap-tama YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah memberikan makna *Khaira*

Ummah sepertimana yang telah disebut dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 100 dan juga ciri-ciri asas sebuah masyarakat *Khaira Ummah* iaitu sebuah komuniti yang menegakkan amalan-amalan *ma'ruf* dan menjauhi amalan-amalan *munkar*. Dalam masa yang sama, dalam ucapan juga telah dijelaskan secara ringkas lima prinsip *Maqasid Syari'ah*. Beliau juga berharap agar persoalan-persoalan yang dilontarkan sepanjang muzakarah ini dapat ditangani atau dijawab oleh ahli panel dengan harapan bahawa jawapan-jawapan tersebut boleh menyumbang ke arah pembentukan sebuah masyarakat *Khaira Ummah*.

Seramai tujuh (7) orang tokoh telah diundang untuk memberikan pandangan iaitu (1) Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman b. Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan; (2) Prof. Dr. Abdul Latiff b. Mohamed, Fakulti Perubatan, Universiti Cyberjaya; (3) Prof. Dato' Dr. Jafri Malin b. Abdullah, Pakar Perunding Neurosurgeon, Jabatan Neurosains, Sekolah Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM); (4) Dato' Dr. Musa b. Mohd Nordin, Pakar Perunding Pediatrik dan Neonatologist, Hospital Pakar KPJ Damansara; (5) Prof. Madya Dr. Aznan b. Hasan, Institut Perbankan dan Kewangan

Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); (6) Ustazah Nor Safina bt. Zainal, Pengarah, Bahagian Maqasid Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);

(7) Prof. Dr. Muhammad Syukri b. Salleh, Pengarah Pengasas, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia (USM).

WACANA (DISCOURSE)

Discourse on “The Rights of Future Generations” (3 Mac 2021)



YABhg. Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Pengerusi IKIM menyampaikan ucap terna di Webinar Discourse on “The Rights of Future Generations” secara dalam talian.



YBhg. Dr. Mohd Sani Badron, Fellow Utama/Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) IKIM sebagai moderator Webinar Discourse on “The Rights of Future Generations”.



Para pembentang Webinar Discourse on “The Rights of Future Generations”, iaitu YBhg. Datuk Emeritus Professor Dr. Shad Saleem Faruqi, YAA Dato’ Setia Dr. Hj. Mohd. Na’im b. Hj Mokhtar, Tuan Haji Roslan b. Mat Nor, Mr. Jufitri b. Joha, Dato’ Ahmad Nazim b. Abdul Rahman dan Tuan Haji Ir. Mohd Jamaludin b. Shamsudin.

Wacana Khas ini telah diadakan secara dalam talian pada 3 Mac 2021 menerusi aplikasi Zoom dan siaran langsung di Facebook IKIM dan tvIKIM. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menyampaikan ucapan pembukaan dalam wacana tersebut. Pihak IKIM juga telah menjemput Datuk Emeritus Profesor Dr. Shad Saleem Faruqi, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya untuk menyampaikan ucapan tema.

Wacana ini membincangkan mengenai keperluan berfikir tentang jaminan hak-hak generasi akan datang dalam polisi, program dan aktiviti nasional. Wacana ini juga menghargai bahawa idea hak-hak generasi masa depan atau kewajiban terhadap generasi akan datang berupaya untuk menjadi instrumen dan model yang memberi perspektif baru dalam membina masa hadapan Malaysia yang lebih baik.

Matlamat wacana ini dianjurkan adalah seperti yang berikut:

1. Meneroka prinsip yang kukuh untuk menjawab persoalan asas tentang hak generasi akan datang, dalam konteks kemajuan masa kini dalam cabaran sains dan teknologi.
2. Menganalisis syariat Islam serta peruntukan undang-undang Perlembagaan mengenai hak generasi akan datang.
3. Mencadangkan rangka kerja berkanun untuk menjaga hak generasi akan datang di Malaysia.

Seramai enam (6) orang tokoh telah diundang untuk memberikan pandangan, iaitu (1) Datuk Emeritus Profesor Dr. Shad Saleem Faruqi, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, (2) YAA Dato’ Setia Dr. Hj. Mohd. Na’im b. Hj Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), (3) Tuan Haji Roslan b. Mat Nor, Timbalan Ketua, Divisyen Rayuan dan Perbicaraan, Jabatan Peguam Negara, (4) En. Jufitri b. Joha, Presiden, Majlis Belia Malaysia, (5) Dato’

Ahmad Nazim b. Abdul Rahman, Managing Director for Southeast Asia, Allied Investment Partners PJSC; dan (6) Tuan Haji Ir. Mohd

Jamaludin b. Shamsudin, Ketua Pegawai Eksekutif, Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN).

SEMINAR

Seminar “Pembangunan Minda Qur’ani” (9 Mac 2021)



YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM menyampaikan uapctama Webinar Seminar “Pembangunan Minda Qur’ani” yang berlangsung secara dalam talian pada 9 Mac 2021 di Dewan Besar IKIM.



YBhg. Prof. Dato' Dr. Zulkifli b. Hj.Mohd Yusoff, Ketua Pusat Penyelidikan Al-Quran, Jabatan Al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya membentangkan kertas kerja bertajuk “Minda Qurani: Takrif dan Ciri-cirinya”.



YBrs. Tn.Hj. Mohd Noor Ikham b. Hj. Husin, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) membentangkan kertas kerja bertajuk “Punca Kehilangan Makna Diri dan Tujuan Hidup”.

Seminar sehari ini telah diadakan secara dalam talian dengan membincangkan persoalan dasar yang bermain dalam minda setiap insan yang berakal. Namun, disebabkan pengaruh sains dan falsafah sekular yang mendasari pemikiran moden, petunjuk agama beransur-ansur dilupakan oleh sebahagian manusia. Walau bagaimanapun, persoalan ini tetap kekal dalam fikiran manusia, sedangkan jawapannya tidak dapat ditemui dalam penemuan sains ataupun teori falsafah. Selaras dengan meluasnya pensekularan itu, maka penyakit yang berpunca daripada krisis makna diri (*crisis of identity*) dan keraguan terhadap nasib akhir timbul serta berleluasa. Natiujahnya ialah hidup dipenuhi kealpaan, kekecewaan dan putus asa. Masalah keraguan makna diri serta nasib akhir hakikatnya menzahirkan kelemahan atau ketiadaan iman. Masalah ini juga merupakan punca sebenar kemerosotan amalan dan budi pekerti. Satu-satunya jalan keluar daripada masalah ini adalah dengan mengingatkan mereka yang telah lupa dan lalai supaya kembali ke pangkal, iaitu menurut petunjuk al-Quran. Seruan itu hendaklah disertai tunjuk ajar dan pendekatan yang

betul bagi membimbing mereka yang mencari petunjuk kehidupan. Seminar sehari ini telah dianjurkan pada 9 Mac 2021 menerusi aplikasi Zoom. Pengerusi IKIM, YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Seminar “Sehari Pembangunan Minda Qur’ani”.

Matlamat utama seminar ini diadakan adalah seperti yang berikut:

1. Menjelaskan erti sebenar “minda” dan “diri” menurut al-Quran dan pemikiran Islam.
2. Menyatakan hakikat sebenar ‘kehidupan’ dan ‘nasib akhir dalam rangka membentuk perspektif hidup yang jelas dan seimbang.
3. Menjelaskan punca krisis makna diri dan keraguan terhadap nasib akhir yang melanda manusia hari ini.
4. Mencadangkan pelan tindakan bagi membentuk minda Qur’ani.

Tiga (3) orang tokoh telah diundang untuk memberikan pandangan, iaitu (1) Prof. Dato' Dr. Zulkifli b. Hj.Mohd Yusoff, Ketua Pusat Penyelidikan Al-Quran, Jabatan Al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; (2) Tn. Hj. Mohd Noor


Ikhran b. Hj.Husin, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA); dan (3) Prof. Madya Dr. Sh.Hayati bt. Syed Ismail, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

SIRI MUZAKARAH PAKAR (EXPERT CONSULTATION)


Expert Consultation "COVID-19: Islamic Response" (17 Mac 2021)



Ucuptama oleh YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM sempena Webinar Muzakarah Pakar "COVID-19: Respons Islami" pada 17 Mac 2021.



Para pembentang Webinar Muzakarah Pakar "COVID-19: Respons Islami" pada 17 Mac 2021, iaitu YBhg. Prof. Datuk Dr. Awang Bulgiba b. Awang Mahmud, YBhg. Prof. Dr. Ainul Jaria bt. Maidin, En. Ahmad Razif Mohamad, Pn. Noriah bt. Haron, En. Azwan b. Baharuddin, YBhg. Dr. Rezal Khairi b. Ahmad dan En. Iskandar Mirza b. Mohd. Yusof.



YBhg. Prof. Datuk Dr. Awang Bulgiba b. Awang Mahmud, Fakulti Perubatan Universiti Malaya membentangkan kertas kerja bertajuk “COVID-19 and The Malaysian Health Response”.

Penularan sedunia wabak penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) bermula awal 2020 ternyata mengganggu gugat banyak aspek kehidupan manusia pada zaman moden. Bagi umat Islam, kebimbangan terhadap penularan penyakit maut dan langkah-langkah diambil bagi membendung wabak itu telah terzahir sebagai kesukaran melaksanakan ibadah yang memerlukan penyertaan berjemaah termasuklah solat Jumaat, korban, haji dan umrah serta hari perayaan.

Polisi krisis seperti pergerakan terhad, kuarantin, dan penutupan tidak hanya meninggalkan kesan buruk kepada industri bahkan juga orang ramai. Keadaan tersebut turut memaksa perniagaan, syarikat, dan orang perseorangan agar menyesuaikan pekerjaan melalui teknologi mengikut perubahan keadaan atau berdepan dengan risiko penutupan.

Dalam menelusuri dasar-dasar awam yang diadakan bagi melindungi mata pencarian, inovasi oleh industri untuk memastikan kelangsungan kerja, dan bagaimana mereka membantu usaha peringkat kebangsaan dalam memerangi wabak sedunia, Institut

Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan Webinar dalam talian Muzakarah Pakar “COVID-19: Islamic Responses (COVID-19: Respons Islami)” yang disiarkan secara langsung di pelbagai platform media sosial pada hari Rabu, 17 Mac 2021.

Pengerusi IKIM, YABhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid telah menyampaikan ucap tama menyentuh mengenai respons Islami dalam menghadapi wabak mengikut garis panduan al-Qur'an dan al-Sunnah; perintah Rasulullah S.A.W. agar tidak masuk atau keluar dari kawasan penularan wabak; pelaksanaan ibadah dalam kes wabak dan kecemasan; keperluan untuk mematuhi pihak berkuasa dalam pelaksanaan kuarantin dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); cabaran dan kesan wabak ke atas pelbagai sektor; dan pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Program ini bertujuan (1) memberi kefahaman mengenai tanggungjawab agama terhadap pemeliharaan lima unsur utama dalam Maqasid al-Shari'ah ketika penularan wabak COVID-19, (2) menonjolkan pandangan dan akhlaq agama dalam membendung dan mengurangkan kesan sosial dan ekonomi ekoran penularan


wabak, dan (3) membincangkan isu semasa yang berkaitan dengan wabak COVID-19 bagi menyediakan penyelesaian yang membina dan mampan kepada masalah yang dikenal pasti, telah mendedahkan kepada orang ramai bagaimana dasar kerajaan dan inovasi sektor-sektor awam dan swasta direka dan dilaksanakan untuk memelihara kesejahteraan rakyat dan melindungi kepentingan bersama, selaras dengan prinsip tertinggi Shari'ah (*Maqasid al-Shari'ah*).

Seramai tujuh (7) ahli panel dengan pelbagai latar belakang dan bidang kepakaran termasuklah epidemiologi, undang-undang, industri teknologi tinggi, pentadbiran pendidikan, pendigitalan ekonomi, industri pembuatan nanoteknologi, dan pelancongan telah terlibat dalam memberikan input tentang kesan pandemik terhadap sektor awam dan swasta, di samping menjelaskan pelbagai inisiatif dan inovasi yang muncul

dalam memastikan kebajikan awam, kesinambungan pekerjaan, dan penyesuaian kepada norma baharu. Mereka terdiri daripada satu (1) Prof. Datuk Dr. Awang Bulgiba b. Awang Mahmud, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya; (2) Prof. Dr. Ainul Jaria bt. Maidin, Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; (3) En. Ahmad Razif b. Mohamad, Pengurus di Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Industry-Government Group for High Industry (MIGHT); (4) Pn. Noriah bt. Haron, Timbalan Pengarah, Sektor Pembangunan Program Adab dan Nilai, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia; (5) En. Azwan b. Baharuddin, Pengarah Urusan, Accenture Malaysia; (6) Dr. Rezal Khairi b. Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif, NanoMalaysia Bhd; dan (7) En. Iskandar Mirza b. Mohd. Yusof, Pengarah Kanan, Perancangan Strategik, Tourism Malaysia.

KURSUS

Kursus “Asas Kaedah Pengurusan Harta Keluarga Islam Siri 2021” (23–24 Mac 2021)



YBrs. Pn. Siti Shamsiah bt. Md Supi, Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat SYARAK membentangkan kertas kerja bertajuk “Pengurusan Harta Keluarga Islam: Satu Pengenalan”.



YA Tuan Haji Mohammad Tajfor b. Ahmad Rusdi, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Perak membentangkan kertas kerja bertajuk “Harta Sepencarian: Klasifikasi, Prosedur dan Pelaksanaan di Mahkamah Syariah di Malaysia”.



Tuan Mohamed Fouzi b. Mokhtar, Pegawai Syariah, Mahkamah Syariah Kuala Lumpur membentangkan kertas kerja bertajuk “Wasiat: Hukum, Prosedur dan Pengalaman di Malaysia”.

Kursus Asas Kaedah Pengurusan Harta Keluarga Islam ini telah diadakan selama dua (2) hari pada 23–24 Mac 2021 secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom. Kursus yang dijalankan ini adalah sebahagian usaha untuk membetulkan dan menambah baik kefahaman dalam kalangan masyarakat Islam negara ini di samping mewujudkan kemahiran dalam mengurus harta peribadi.

Matlamat kursus adalah seperti yang berikut:

1. Memberi kefahaman yang betul, lebih tepat dan secara spesifik kepada peserta terhadap aplikasi kaedah atau instrumen pengurusan harta seperti faraid, hibah, wasiat, wakaf dan harta sepencarian dengan lebih praktikal dan bukan teori semata-mata.

2. Memberi kefahaman secara spesifik setiap instrumen kepada peserta untuk menyesuaikan pengagihan harta yang hendak dilaksanakan sesuai menurut struktur pewarisan keluarga masing-masing.
3. Membimbing peserta serta membina keyakinan mereka terhadap keputusan yang diambil mereka dalam menguruskan harta, serta tidak dipengaruhi oleh pihak-pihak lain dalam kalangan ahli keluarga sendiri atau pihak luar.

Seramai lima (5) orang pakar daripada latar belakang bidang yang berkaitan telah dijemput untuk memberikan penerangan

dan penjelasan terhadap tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam program berkenaan, iaitu (1) Dr. Mohd. Zamro b. Muda, Pensyarah Kanan/Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); (2) YA Tuan Haji Mohammad Taifor b. Ahmad Rusdi, Hakim Rayuan Mahkamah Syariah Perak; (3) YA Tuan Mohamed Fouzi b. Mokhtar, Pegawai Syariah, Mahkamah Syariah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan; (4) Pn. Siti Shamsiah bt. Md Supi, Pegawai Penyelidik Kanan IKIM, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM); (5) Tuan Haji Baharuddin b. Aziz, Pengarah Bahagian Pusaka, Bahagian Pembahagian Pusaka, JKPTG, Putrajaya.

MUZAKARAH PAKAR


Muzakarah Pakar “Peranan Saling Melengkapi Antara Lelaki dan Wanita Dalam Islam” (9 April 2021)



YBrs. Pn. Hj. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman, Fellow Kanan Pusat EMAS IKIM sebagai Moderator dalam Webinar “Muzakarah Pakar: Peranan Saling Melengkapi antara Lelaki dan Wanita Menatijahkan Kemakmuran”.



YABhg Tun Ahmad b. Sarji Abdul Hamid, Pengerusi IKIM menyampaikan ucap terna dalam Webinar “Muzakarah Pakar: Peranan Saling Melengkapi Antara Lelaki & Wanita Menatijahkan Kemakmuran”.



Para pembentang dan pengulas Webinar “Muzakarah Pakar: Peranan Saling Melengkapi Antara Lelaki dan Wanita Menatijahkan Kemakmuran”.

Muzakarah Pakar ini telah dianjurkan pada 9 April 2021 menerusi wahana aplikasi Zoom dan bersiaran secara langsung di Facebook tvIKIM. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM telah menyampaikan ucapan utama yang bertajuk “Peranan Saling Melengkapi antara Lelaki dan Wanita Dalam Islam”.

Muzakarah pakar ini diadakan untuk melihat hubungan antara lelaki dengan perempuan, bukan dari sudut kuasa, yakni siapa yang berkuasa dan siapa yang dikuasai, sebaliknya dari sudut peranan mereka yang saling melengkapi dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing di muka bumi ini. Hubungan saling melengkapi antara lelaki dengan perempuan ini adalah satu *sunnatullah* dan muzakarah pakar ini melihat sejauh

mana *sunnatullah* ini diterjemahkan dalam kehidupan seharian kita serta potensinya untuk memakmurkan masyarakat dan negara.

Matlamat muzakarah pakar ini adalah untuk melihat:

- a. Bagaimana peranan saling melengkapi antara lelaki dan perempuan ini diterjemahkan dalam undang-undang serta dasar-dasar di negara ini, termasuklah dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam.
- b. Potensi peranan saling melengkapi antara lelaki dan perempuan dalam memakmurkan institusi keluarga.
- c. Potensi peranan saling melengkapi antara lelaki dan perempuan dalam meningkatkan produktiviti di tempat kerja.

Seramai enam (6) orang tokoh yang terdiri daripada tiga (3) orang pembentang dan

tiga (3) orang pengulas yang pakar dalam bidang masing-masing telah diundang untuk memberikan pandangan, iaitu (1) Prof. Madya. Dr. Khalif Muammar b. A Harris, Pengarah, Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS) Universiti Teknologi Malaysia; (2) Prof. Datuk Dr. Harlina Halizah bt. Hj. Siraj, Pengarah, Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia; (3) Prof. Dr. Najibah bt. Mohd Zin, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, (4) Prof. Dato' Noor Aziah bt. Hj. Mohd Awal, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, merangkap Ahli Lembaga Pengarah IKIM; (5) Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati bt. Syed Ismail, Ketua Jabatan Siasah Syar'iyah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; dan (6) Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila bt. Nik Saleh, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Pesuruhjaya SUHAKAM.

WEBINAR

Webinar “Sains Dan Teknologi Berteraskan Al-Quran Dan Al-Sunnah” (26 Oktober 2021)



YBhg. Prof. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Profesor Kehormat Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya membentangkan kertas kerja dalam Webinar “Sains dan Teknologi Berteraskan Al-Quran dan Sunnah”.



YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Othman semasa membentangkan kertas kerja bertajuk "Analisis Pendekatan Saintifik dalam Pentafsiran Al-Quran".



YBhg. Dr. Suhazeli b. Abdullah, Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia semasa membentangkan kertas kerja bertajuk "COVID-19: Vaksinasi dan Kawalan Penyakit Berjangkit Menurut Islam".

Program webinar ini telah berlangsung pada 26 Oktober 2021 secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom. Webinar ini telah dijalankan sebanyak dua sesi, iaitu pagi dan sesi petang. Webinar ini membincangkan kepentingan memahami al-Quran dan al-Sunnah sebagai langkah menanggapi perkembangan sains dan teknologi dalam konteks yang tepat.

Perubahan zaman dan cabaran senario semasa menghasilkan pelbagai fahaman yang menggugat pegangan umat Islam terhadap Al-Quran dan al-Sunnah. Kewujudan fahaman sekularisme telah mengasingkan disiplin ilmu duniawi daripada ilmu agama. Pada masa yang sama, terdapat fahaman dalam kalangan umat Islam yang melihat ilmu duniawi, khususnya sains sebagai sesuatu

yang tidak serasi dengan agama, lantas menolak pelbagai manfaat perkembangan sains dan teknologi. Hakikatnya, Islam berpendirian bahawa setiap aktiviti sains itu mempunyai nilai yang tinggi apabila ia ditujukan kepada mengingati Allah SWT.

Matlamat webinar ini adalah seperti yang berikut:

1. Memahami hubungan al-Quran dan al-Sunnah dengan fenomena alam dan inovasi sains.
2. Mengulas isu semasa berkaitan sains dari perspektif al-Quran dan al-Sunnah.
3. Menghubungkan al-Quran dan al-Sunnah dengan sains dalam usaha mendepani isu semasa berkaitan sains dalam masyarakat.

Seramai sembilan (9) orang tokoh dari pelbagai latar belakang telah diundang untuk membentangkan kertas, iaitu (1) Prof. Emeritus Dr. Shahrir b. Mohamad Zain, Fellow


Kehormat, IKIM; (2) Prof. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Professor Kehormat, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya; (3) Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli b. Mohd Yusoff, Profesor di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; (4) Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman, Ahli Lembaga Pengarah, IKIM; (5) Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh, Fellow Kanan/Pengarah, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, IKIM; (6) Dr. Suhazeli b. Abdullah, Pakar Perubatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia; (7) Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi b. Ismail, Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)/Pengasas, Advanced Membrane Technology Research Centre (AMTEC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM); (8) Tn. Jamalullail b. Abu Bakar, Setiausaha, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA); dan (9) Gs. Dr. Muhammad Hafeez b. Jeofry, Pensyarah, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

KURSUS

Kursus Lanjutan “Pengurusan Harta Keluarga Islam” (1–2 November 2021)



YBrs. Tuan Mohd Faiz b. Adnan, Peguam Syari'e, Tetuan Faiz Adnan & Associates membentangkan kertas kerja bertajuk “Pengurusan dan Dokumentasi Hibah”.



YBhg. Dr. Mohd Zamro b. Muda, Pensyarah Kanan Pusat Kajian Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia membentangkan kertas kerja bertajuk “Pengurusan Harta Keluarga Islam”.

Kursus ini telah berlangsung selama dua hari pada 1–2 November 2021 secara dalam talian. Kursus ini adalah untuk memperbaiki kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam dalam hal-ehwal pengurusan harta (termasuk kewangan) yang masih berada di tahap yang rendah. Ia juga bagi menyelesaikan kekeliruan yang dihadapi oleh sesetengah daripada masyarakat Islam terhadap konsep dan fungsi instrumen pengurusan harta keluarga yang disediakan dalam syariah. Umpamanya membuat wasiat terhadap ahli keluarga dari kalangan waris yang sememangnya sudah mempunyai kedudukan dan kepentingan dalam pusaka. Tidak dinafikan bahawa kursus tersebut telah mencapai matlamat yang disasarkan berdasarkan kepada maklum balas peserta. Kursus ini juga turut memberi bimbingan dari aspek prosedur yang perlu dilalui oleh peserta bagi memastikan hasrat atau kehendak mereka dapat dibuat dan sah dari sudut undang-undang. Sebahagian peserta juga berharap agar dibimbing dari sudut pengiraan faraid agar sekurang-kurangnya dapat dimanfaatkan kepada waris-warisan dalam kalangan keluarga sendiri.

Matlamat kursus ini adalah seperti yang berikut:

1. Memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap topik-topik tertentu dalam pengurusan harta keluarga Islam kepada peserta dalam kalangan orang awam.
2. Memberi bimbingan kepada peserta dari sudut prosedur agensi-agensi yang terlibat dalam menguruskan harta keluarga, dan supaya pengurusan harta keluarga yang hendak dilaksanakan adalah mengikut hukum syarak juga undang-undang.
3. Memberi bimbingan dalam membuat kiraan faraid dan mengguna pakai konsep-konsep yang terdapat dalam ilmu pewarisan.
4. Berkongsi pengalaman dengan peserta mengenai kes-kes yang berkaitan bagi mendapatkan pengajaran daripada kes-kes yang dikongsikan oleh pembentang.


Seramai lima (5) orang pembentang berpengalaman telah dijemput untuk membincangkan tajuk-tajuk yang berkaitan, iaitu, (1) Dr. Mohd. Zamro b. Muda, Pensyarah Kanan/Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM); (2) YA Tuan Mohamed Fouzi b. Mokhtar, Pegawai Syariah, Mahkamah Syariah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan; (3) Tuan Mohd Faiz b. Adnan, Peguam Syarie (Tetuan Faiz Adnan & Associates); (4) YA Tuan Haji Mohammad Taifor b. Ahmad Rusdi, Hakim

Rayuan Mahkamah Syariah Perak; dan (5) Tuan Baharuddin b. Aziz, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembahagian Pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

MUZAKARAH PAKAR


Muzakarah Pakar “Kesihatan Pekerjaan Menurut Islam” (16 November 2021)



YBhg. Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila bt. Nik Salleh, Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) membentangkan kertas kerja bertajuk “Undang-Undang Menjamin Pekerjaan yang Sihat dan Selamat”.



YBhg. Dr. Ahmad Fitri b. Abdullah Hair, Pengarah Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia membentangkan kertas kerja bertajuk “Polisi dan Garis Panduan yang menjamin Pekerjaan yang Sihat dan Selamat”.



YBhg. Dr. Azlan b. Darus, Ketua Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan, PERKESO membentangkan kertas kerja bertajuk “Kaedah Pengurusan Aspek Keselamatan dan Kesihatan Golongan Pekerja”.

Muzakarah Pakar ini telah dianjurkan pada 16 November 2021 secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh, Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM, YBhg. Dr. Mohd. Sani b. Badron.

Program ini merupakan sebagai satu usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja. Ketika musim pandemik COVID-19 ini, aspek keselamatan dan kesihatan dalam kalangan para pekerja telah terjejas secara amat kritikal. Berlaku peningkatan yang amat ketara dari segi gangguan emosi dan mental, serta penghayatan kepada aspek keselamatan dan kesihatan telah merudum lantaran jangkitan berlaku secara tidak terkawal. Situasi ini telah mencetuskan kekusaran dan gangguan perasaan yang berlaku pada skala besar dalam kelompok masyarakat kini. Impak besar risiko ini turut menjejaskan bagaimana organisasi dan golongan pekerja berfungsi.

Matlamat muzakarah pakar ini adalah seperti yang berikut:

1. Memahami konsep pekena yang sihat dan selarat menurut Islam.
2. Memahami peranan dan kaitan isu semasa dalam meningkatkan kualiti dan persekitaran pekerjaan yang sihat dan selamat.
3. Mewujudkan cadangan garis panduan kesihatan pekerjaan menurut kefahaman Islam.

Seramai lima (5) orang tokoh telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja iaitu, (1) Prof. Madya Dr. Siti Arni bt. Basri, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; (2) En. Khairul Azhar b. Idris, Fellow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM; (3) Prof. Madya Dr. Nik Salida Suhaila bt. Nik Salleh, Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); (4) Dr. Ahmad Fitri b. Abdullah Hair, Pengarah Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia; dan (5) Dr. Azlan b. Darus, Ketua, Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan, PERKESO.

Webinar “Liberalisme vs Penyempitan Agama: Apakah Panduan Islam?” (23 November 2021)



YB Senator Tuan Haji Idris b. Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyampaikan ucapan perasmian semasa Webinar “Liberalisme dan Penyempitan Agama: Apa Panduan Islam?” yang berlangsung secara dalam talian pada 23 November 2021.



YBhg. Prof. Madya Dr. Khalif b. Muammar, Pengarah RZS-CASIS membentangkan kertas kerja bertajuk “Tinjauan Beberapa Wajah Muslim Liberal dan Kaitannya dengan Sekularisasi”.



YBhg. Dr. Dr. Adian Husaini, Ketua Umum, Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia membentangkan kertas kerja bertajuk “Ancaman Liberalisme dan Penyempitan Agama: Pengalaman Indonesia”.

Webinar ini telah diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom pada 23 November 2021. Program ini telah dirasmikan oleh YB Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Webinar ini dianjurkan bagi membincangkan dua bentuk cara-gaya berfikir dan pendekatan terhadap agama yang telah tersasar dari prinsip *wasat* (kesederhanaan) yang ditunjukkan oleh leluhur silam, yakni alim ulama muhtabar terdahulu. Dari satu sudut, cara-gaya berfikir ini dipengaruhi oleh aliran pemikiran sekular liberalisme yang mengandaikan ajaran Islam perlu disesuaikan dengan arus pemikiran Barat. Dari sudut yang lain, terdapat sifat melampaui prinsip *wasat* (kesederhanaan) dengan menyempitkan agama kepada perkara-perkara furuk (cabang), tafsiran-tafsiran literal, mahupun tafsiran-tafsiran yang mengabaikan autoriti ulama silam atau ulama muhtabar terdahulu. Webinar ini bertujuan untuk membincangkan sudut pandang Islam terhadap dua kecenderungan pemikiran dan pendekatan terhadap agama.

Matlamat webinar ini adalah seperti yang berikut:

1. Menjelaskan kerangka liberalisme terhadap agama Islam dan penyempitan agama Islam dalam konteks masa kini.
2. Membincangkan tentang isu-isu serta kesan pendekatan kerangka liberalism terhadap agama dan penyempitan agama Islam.
3. Membincangkan punca kepada masalah pengaruh kerangka liberalisme dan penyempitan agama dalam kalangan kaum Muslimin di Malaysia, serta jalan penyelesaiannya.

Seramai empat (4) orang tokoh telah diundang ke webinar ini iaitu, (1) Dr. Azmil b. Zainal Abidin, Pensyarah Kanan, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; (2) Prof. Madya Dr. Khalif b. Muammar, Pengarah RZS-CASIS UTM; (3) Dr. Adian Husaini, Ketua Umum, Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia; dan (4) Dr. Mohd. Farid b. Mohd Shahrar, Pengarah Pusat SYARAK, IKIM.

Wacana Ilmiah “Islam, Moraliti dan Masyarakat Bebas Rasuah”
(7 Disember 2021)



YBhg. Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahrin, Fellow Kanan/Pengarah, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, IKIM menyampaikan ucapan alu-aluan semasa Webinar Wacana Ilmiah “Islam, Moraliti dan Masyarakat Bebas Rasuah”.



YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal b. Hassan, Centre For Islamisation (CENTRIS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyampaikan kertas kerja bertajuk “Pembentukan Nilai Budaya dan Professionalisme melalui Kesedaran Agama”.



YBhg. Dato' Sri Shamshun Baharin b. Mohd Jamil, Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membentangkan kertas kerja bertajuk “Salah Guna Kuasa Dalam Kalangan Pengusaha dan Korporat”.

Bersempena sambutan Hari Anti-Rasuah Sedunia pada 9 Disember 2021, Wacana Ilmiah “Islam, Moraliti dan Masyarakat Bebas Rasuah” telah berlangsung pada 7 Disember 2021 secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom serta disiarkan juga secara langsung melalui Facebook dan tvIKIM. YBhg. Dr. Mohd Farid bin Mohd. Shahrin, Fellow Utama/ Pengarah Pusat SYARAK telah menyampaikan ucapan alu-aluan di wacana tersebut.

Wacana ini diadakan bagi menyokong usaha membendung gejala rasuah dengan menjurus kepada aspek kerohanian dan peranan agama. Hal ini bagi membentuk keperibadian dan tanggungjawab melaksanakan amanah kerjaya secara professional. Kepentingan melahirkan masyarakat dan pemimpin yang berakhlak mulia, dihiasi sifat takwa dan mempunyai hubungan erat dengan Allah SWT perlu ditekankan dalam semua peringkat. Selain penekanan terhadap perundangan dan penguatkuasaan, kesedaran masyarakat pada peringkat akar umbi juga perlu digembleng untuk melahirkan tindakan bersepadu oleh semua pihak untuk kekal bermujahadah membentaras rasuah.

Inisiatif dan usaha giat sukarelawan dalam kalangan masyarakat mampu memupuk sikap benci kepada perasuah, serta berusaha membersihkan negara dari gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Matlamat wacana ilmiah ini adalah seperti yang berikut:

1. Menilai jurang peribadi Muslim dalam sistem kepercayaan, muamalat dan akhlak.
2. Memperhalusi aspek “ingkar” kepada hari akhirat dan kaitannya dengan moraliti, amal soleh dan profesionalisme.
3. Mencadangkan amalan dan kaedah yang praktikal untuk mengukuhkan dan menyeimbangkan sistem kepercayaan, sistem kehidupan dan sistem nilai.

Seramai empat (4) orang tokoh dari pelbagai latar belakang telah diundang untuk membentangkan kertas iaitu, (1) Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal b. Hassan, Centre for Islamisation (CENTRIS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; (2) Dato' Sri Shamshun Baharin b. Mohd Jamil, Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); (3) Pn. Nurhayati bt. Nordin, Ketua Sekretariat Rasuah Busters, Kumpulan Karangkraf; dan (4) Dr. Nik


Roskiman b. Abdul Samad, Fellow Kanan Pusat SYARAK, IKIM.

MUZAKARAH PAKAR


Muzakarah Pakar “Ke Arah Umat Digital: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian” (14 Disember 2021)



YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh, Fellow Kanan/Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, (KIAS) sebagai moderator Webinar “Ke Arah Umat Digital: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian”.



YBhg. Dr. Raja Jamilah bt. Raja Yusof, Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Perisian Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya membentangkan kertas kerja bertajuk “Cabaran dan Penyelesaian Umat Digital dari Perspektif Teori Kognitif Sosial”.



YBrs. Pn. Azrina bt. Sobian, Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM, (KIAS) membentangkan kertas kerja bertajuk “Kesan Teknologi Digital ke Atas Alam Sekitar: Cabaran Dalam Pembentukan Umat Digital yang Mesra Alam”.

Muzakarah pakar ini telah diadakan pada 14 Disember 2021 secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom. Ucaptama muzakarah ini telah disampaikan oleh Prof. Dato’ Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli b. Mohd Yusoff, Pengerusi, Nadwah Ulama dan Ilmuwan Malaysia (NUIM).

Webinar ini membincangkan kepentingan memahami umat digital sebagai ke arah perkembangan sains dan teknologi dalam konteks yang tepat. Umat digital ialah umat Islam yang hidup pada era teknologi digital. Hari ini teknologi digital terus berkembang maju meliputi setiap aspek kehidupan yang membawa kepada Revolusi Industri Ke-4. Dari sudut pandang Islam, perkembangan teknologi tidak ditolak tetapi perlu dipandu dengan nilai-nilai Islam yang berteraskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Cabaran-cabaran yang timbul perlu ditangani dengan bijaksana supaya umat Islam dapat beroleh manfaat daripada Revolusi Digital. Muzakarah ini merupakan satu usaha untuk memperhalusi isu dan cabaran yang timbul sambil berusaha untuk mengutarakan cadangan penyelesaian.

Matlamat muzakarah pakar ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengupas isu dan cabaran yang timbul daripada perkembangan pesat Revolusi Digital.
2. Mengenal pasti kesan isu dan cabaran Revolusi Digital ke atas umat Islam.
3. Mengutarakan cadangan penyelesaian terhadap isu dan cabaran Revolusi Digital dari perspektif Islam.

Seramai tujuh (7) orang tokoh telah diundang di dalam muzakarah pakar ini, iaitu (1) Prof. Dr. Mohamad Fauzan b. Noordin, Profesor, Kulliyyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); (2) Prof. Dr. Che Su bt. Mustafa, Profesor, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia (UUM); (3) Hjh. Mahuran Saro bt. Dato’ Haji Sariki, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp); (4) Dr. Nor Azaruddin Husni b. Haji Nuruddin, Fellow Kanan, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM; (5) Dr. Khadijah bt. Abdul Razak, Pensyarah Kanan, Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan,

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); (6) Dr. Raja Jamilah bt. Raja Yusof, Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Perisian, Fakulti Sains

Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya; dan (7) Puan Azrina bt. Sobian, Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM.

PROGRAM TIDAK BERJADUAL

BENGKEL

Bengkel “Kembara Syifa 2.0 Menghadapi Anxiety Dan Kemurungan – Kita Mampu Mengurusnya” (5 Oktober 2021)



YBhg. Dr. Mohd Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan alu-aluan di Bengkel Kembara Syifa' “Menghadapi Anxiety dan Kemurungan – Kita Mampu Mengurusnya”.



YBhg. Dr. Hazli b. Zakaria, Presiden Persatuan Psikiatri, Malaysia/Pakar Perunding Psikiatri, Klinik Pakar Alaminda membentangkan kertas kerja bertajuk “Mengenali Ancaman Anxiety dan kemurungan”.



YBhg. Dr. Haji Nik Roskiman Abdul Samad, Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM membentangkan kertas kerja bertajuk “Berpaut Dengan Iman, Berharap Dengan Tuhan”.

Bengkel Kembara Syifa ini telah diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi Zoom pada 5 Oktober 2021 dengan kehadiran lebih 120 orang peserta. Timbalan Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail telah menyampaikan ucapan alu-aluan di bengkel tersebut. Bengkel ini juga mendapat sokongan daripada syarikat korporat GLC Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) sebagai syarikat yang prihatin terlibat untuk usaha kesedaran kesihatan mental melalui sumbangan CSR mereka dengan menaja sepenuhnya program tersebut.

Bengkel ini diadakan untuk memberi kesedaran berkenaan ilmu dalam menangani kesihatan mental di zaman yang penuh mencabar pada hari ini. Stigma terhadap kesihatan mental dan penyakit mental juga harus dihapuskan. Kesedaran berkenaan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat agar tidak menghukum dan lebih terbuka membicarakan isu kesihatan mental seperti kemurungan memerlukan pendekatan berterusan oleh semua pihak. Ini supaya mereka yang menderita dengan penyakit mental dapat dibantu dan mengelakkan lebih ramai yang terjejas dan akhirnya merugikan diri, keluarga dan negara dari pelbagai sudut. IKIM bersama-sama pihak berkuasa kesihatan dan

media berusaha memainkan tanggungjawab dalam menyampaikan pandangan profesional dan panduan Islami dalam mengurus tekanan mental dan mengatasi kemurungan berasaskan perspektif ilmu yang tepat.

Matlamat bengkel ini adalah seperti yang berikut:

1. Membina kesedaran masyarakat tentang penyakit mental, terutamanya keresahan melampau (anxiety) dan kemurungan.
2. Mengurangkan stigma sosial berkaitan dengan masalah kesihatan mental.
3. Mendidik masyarakat khususnya para belia mengenai cara menangani kesihatan mental selain memberi sokongan kepada orang yang mempunyai masalah ini.

Seramai tiga (3) orang tokoh telah diundang ke bengkel ini iaitu (1) Dr. Hazli b. Zakaria, Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Pakar Perunding Psikiatri, Klinik Pakar Alaminda; (2) Dr. Haji Nik Roskiman b. Abdul Samad, Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, IKIM; dan (3) Dr. Firdaus bt. Datuk Abdul Gani, Pakar Perubatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah.

Forum “Masyarakat, Hutan Dan Air Maqasid Al-Shari’ah Dalam Mekanisme Urus Tadbir Mitigasi Perubahan Iklim” (9 November 2021)



YB Dato' Sri Tuan Ibrahim b. Tuan Man, Menteri Alam Sekitar Dan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air ketika merasmikan “Forum Masyarakat, Hutan Dan Air Maqasid Al-Shari’ah Dalam Mekanisme Urus Tadbir Mitigasi Perubahan Iklim”.



YBhg. Prof. Madya Dr. Azila bt. Ahmad Sarkawi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyampaikan ucapatama bertajuk “Penerapan Prinsip Maqasid al-Shariah dalam Pengurusan Hutan ke arah Mitigasi Perubahan Iklim”.



Para Pembentang “Forum Masyarakat, Hutan dan Air Maqasid Al-Shari’ah dalam Mekanisme Urus Tadbir Mitigasi Perubahan Iklim”.

Forum ini telah dijalankan pada 9 November 2021 dianjurkan bersama Universiti Malaya (UM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Forum ini telah dirasmikan oleh, Menteri Alam Sekitar dan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air, Yang Berhormat Dato’ Sri Tuan Ibrahim b. Tuan Man, manakala YBhg. Profesor Madya Dr. Azila bt. Ahmad Sarkawi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyampaikan ucap tama dalam forum ini.

Forum ini memberi tumpuan kepada aspek urus tadbir berasaskan maqasid al-syariah dalam menangani isu perubahan iklim global yang melibatkan komuniti, udara dan hutan. Pelbagai pihak, termasuk kerajaan, universiti, dan pertubuhan bukan kerajaan telah dan terus berusaha untuk menangani masalah perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar. Penyelidikan, pendidikan, pentadbiran, pemerkasaan dan penguatkuasaan undang-undang atau akta, advokasi, dan perubahan minda dalam setiap individu adalah sebahagian daripada aktiviti. Walau bagaimanapun, elemen paling penting yang perlu ditangani ialah rangkaian dan sinergi dalam kalangan semua pihak berkepentingan untuk memastikan usaha yang dilakukan

benar-benar berjaya. Selain itu, bagi umat Islam yang berpegang kepada nilai dan prinsip asas berkaitan alam sekitar seperti yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW, penerapan dan pendedahan nilai-nilai tersebut untuk memelihara alam sekitar perlu dipertingkatkan dengan berkesan. Antara prinsip atau nilai Islam berkaitan alam sekitar yang diketengahkan melalui forum ini ialah prinsip Maqasid Al-shari’ah iaitu pemeliharaan akidah, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Selain itu, kerjasama antara IKIM dengan UM dan UIAM serta institusi-institusi lain dalam mengadakan forum ini memberi manfaat dari segi perkongsian idea antara ahli panel, peserta, dan juga kepada IKIM sendiri dalam memperkasakan fungsi dan peranan IKIM dalam penyebaran kefahaman Islam yang merangkumi pelbagai bidang kepada semua lapisan masyarakat termasuk dalam konteks perubahan iklim dan kelestarian alam sekitar.

Matlamat forum ini adalah seperti yang berikut:

1. Menyediakan forum yang membincangkan urus tadbir hutan dan alam sekitar daripada pelbagai sudut.

2. Membincangkan hubung kait antara agensi-agensi yang berkaitan dengan hutan dan alam sekitar.
3. Merumuskan satu resolusi bagi mengurus tadbir hutan dan alam sekitar yang lebih lestari.

Seramai tujuh (7) orang panel dari pelbagai bidang telah diundang untuk membentangkan kertas kerja mereka iaitu (1) Dr. Ismail b. Parlan, Ketua Pengarah FRIM; (2) Dato' Mohd Basri b. Abdul Manaf, Timbalan Pengarah

Pembangunan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor; (3) En. Ishak b. Kamaruzaman, Pegawai Penerangan Korporat LUAS; (4) Pn. Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin, Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, IKIM; (5) TPr. Haji Hassan b. Yaakob, Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara; (6) En. Rosli b. Mustafa, Pengarah Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar; dan (7) Dr. Colin Nicholas, Centre for Orang Asli Concerns.

WEBINAR

Webinar “Islam Today” (21 Oktober 2021)



YBhg. Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM menyampaikan ucapan alu-aluan semasa Webinar “Islam Today”.



YBr. En. Otabek Mukhammadiev, Timbalan Pengarah Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Uzbekistan membentangkan kertas kerja bertajuk “Alauddin Usmandi and His Role in Islamic Civilization”.



YBhg. Prof. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Profesor Kehormat Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya membentangkan kertas kerja bertajuk “Islam and Environmental Sustainability”.

IKIM dengan kerjasama Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Uzbekistan telah menganjurkan satu webinar secara dalam talian yang diadakan pada 21 Oktober 2021. Timbalan Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail telah menyampaikan ucapan alu-aluan di webinar ini.

Webinar ini adalah salah satu aktiviti di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara IKIM dengan Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Uzbekistan pada 4 Jun 2020. IKIM mengharapkan agar webinar ini akan mampu memberi impak kepada usaha-usaha memberi kefahaman tentang Islam dan kekayaan warisan ilmu yang terdapat di

dalamnya agar dapat dijadikan panduan bagi mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi dunia hari ini. Para pembentang telah membentangkan tajuk-tajuk yang relevan di samping memahami sejauhmana Islam menyediakan solusi terbaik kepada masalah semasa dan peranan ilmuwan Muslim dalam tamadun Islam.

Matlamat webinar ini adalah seperti yang berikut:

1. Memahami pengaruh Islam di dalam kemajuan serta pencapaian manusia di dalam tamadun Islam.
2. Membincangkan bagaimana Islam menyediakan penyelesaian terbaik kepada cabaran dan masalah yang dihadapi oleh dunia hari ini.

3. Sebagai satu usaha di dalam menghargai dan memperakui sumbangan ilmuwan-ilmuwan awal Muslim kepada bidang sains dan keilmuan serta pengaruh mereka di dalam dunia moden hari ini.

Dua (2) orang pembentang telah diundang, iaitu (1) Prof. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, mantan Ketua Pengarah IKIM yang juga merupakan pemegang Kursi Kelestarian UKM dan Yayasan Sime Darby serta Profesor Kehormat Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya; dan (2) En. Otabek Mukhammadiev, Timbalan Pengarah Imam Bukhari International Scientific Research Centre, Uzbekistan.

MUZAKARAH PAKAR

Muzakarah Pakar Pembentangan Hasil Penyelidikan “Pembekuan Sel Sperma Dan Telur Daripada Individu Yang Belum Berkahwin Atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam” (2 Disember 2021)



YBhg. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh b. Mohd Salleh, Fellow Kanan/Pengarah, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM sebagai moderator Muzakarah Pakar “Pembekuan Sel Sperma dan Telur daripada Individu yang Belum Berkahwin Atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam”.



YBrs. En. Mohammad Mustaqim b. Malek, Pegawai Penyelidik, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, IKIM membentangkan penyelidikan bertajuk “Pembekuan Sel Sperma dan Telur daripada Individu yang Belum Berkahwin Atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam”.



Sebahagian daripada ahli panel pembentangan penyelidikan “Pembekuan Sel Sperma dan Telur daripada Individu yang Belum Berkahwin Atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam”.

Muzakarah Pakar ini telah dianjurkan pada 2 Disember 2021 secara bersemuka bertempat di IKIM. Bagi merungkai isu pembekuan sel gamet (sel sperma dan telur) yang diambil dari individu yang belum berkahwin atas sebab perubatan, IKIM telah memulakan satu projek penyelidikan berkenaan perkara ini pada tahun 2021. Isu ini merupakan satu isu penting dalam bidang onkofertiliti yang memerlukan input Islam khususnya dari aspek fiqh. Muzakarah

Pakar ini dianjurkan bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan pakar terhadap dapatan yang diperolehi menerusi projek penyelidikan ini. YBrs. En. Mohammad Mustaqim b. Malek telah membentangkan dapatan dan pengesyoran Projek Penyelidikan “Pembekuan Sel Sperma dan Telur daripada Individu yang Belum Berkahwin atas sebab Perubatan menurut Perspektif Islam” ini.

Matlamat muzakarah pakar adalah seperti berikut:

1. Membentangkan hasil dapatan projek penyelidikan bagi tujuan pengabsahan.
2. Mendapatkan maklum balas dan cadangan pakar terhadap dapatan hasil dapatan projek penyelidikan.
3. Membincangkan isu-isu berbangkit daripada penyelidikan ini bagi tujuan penambahbaikan laporan penyelidikan.

Seramai lima (5) orang panel pakar memberikan ulasan dan maklum balas terhadap tajuk muzakarah pakar ini iaitu (1) Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman b. Haji Abdullah Mufti Wilayah Persekutuan; (2) Prof. Dr. Irwan b. Mohd Subri, Pengarah, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); (3) Dr. Ahmad Khairil Faizi b. Rosli, Pengarah, Bahagian Undang-undang dan Etika, Majlis Perubatan Malaysia (MMC); (4) Dr. Siti Norbayah bt. Yusof, Ketua Jabatan, Unit Registri Kanser Kebangsaan, Institut Kanser Negara (IKN); (5) Prof. Dato' Dr. Zainul Rashid b. Mohammad Radzi, Pakar Obstetrik dan Ginekologi, Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

BAB 2

KESAN DAN MANFAAT KE ATAS AKTIVITI RADIO DAN tvIKIM

BAB 2

KESAN DAN MANFAAT KE ATAS AKTIVITI RADIO DAN tvIKIM

Tahun 2021 merupakan tahun yang sangat bermakna kepada Radio IKIM kerana ia menyambut ulang tahun ke-20. Mengimbas kembali penubuhan Radio IKIM yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, iaitu YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 6 Julai 2001, bermula sebagai satu-satunya radio Islam tanah air yang beroperasi menggunakan sistem digital sepenuhnya, Radio IKIM mengorak langkah membina nama sebagai radio Islam bersiaran 24 jam menyebarkan kefahaman Islam bukan sekadar di Malaysia dan negara-negara jiran, malah ia dapat didengari di seluruh dunia dengan wujudnya aplikasi radio secara *online*.

Dengan kematangan usia 20 tahun, Radio IKIM terus memantapkan rancangan-rancangan terbitan dengan memberi penekanan kepada penyertaan para ilmuwan Islam daripada kalangan Mufti, ahli akademik, agamawan dan golongan profesional, dengan mengekalkan rancangan-rancangan ilmiah sedia ada dengan tambahan beberapa rancangan-rancangan baharu.

